

Mencari makna baru pengertian 'Melayu'

Oleh MOKHTAR MANSOR

NEGARA telah merdeka lebih daripada 36 tahun. Berbagai-bagai usaha dan pengorbanan telah dilakukan namun kenapa orang Melayu umumnya masih lagi berada di tahap lama? Tahun 2020 tidak lama lagi akan menjelang, sudah bersediakah umat Melayu menyahut cabaran 2020? Dulu orang Melayu dianggap pemalas, ternyata kini bahawa dakwaan yang digembar-gembur oleh penjajah itu adalah palsu. Orang Melayu sebenarnya adalah orang yang paling rajin di dunia.

Masih jelas di ingatan saya betapa ibu bapa saya bangun pada jam 4.30 pagi, ke kebun getah menoreh. Balik dari kebun getah pergi pula ke sawah. Balik dari sawah ibu saya menyambung kerja mengayam tikar, ayah pula menolong merendam mengkuang di sungai. Keluarga kami amat rajin tetapi kenapa kami terus miskin? Kenapa begitu juga halnya yang berlaku kepada keluarga-keluarga Melayu lainnya?

Dulu orang Melayu dianggap boros, ternyata bahawa rakan kita orang Tionghua juga boros. Dulu disangka orang Melayu kekurangan makanan berzat, ternyata orang Tionghua dulu pun begitu juga.

Dulu disangka orang Tionghua memang berasal dari keturunan yang baik sebab itu orang Tionghua walau di mana pun berada ibarat benih yang baik jatuh ke laut menjadi pulau, jatuh ke Amerika menjadi Chinatown, tetapi ternyata orang Melayu juga berasal dari benih yang baik kerana adalah tidak mungkin orang Melayu mampu mengembara dari Yunan hingga sampai ke sini.

Dulu orang Melayu disangka kekurangan semangat lantas kita pun tak henti-henti meniup segala slogan dan kata-kata perangsang. Disangka orang Melayu kekurangan modal, lantas MARA dan sekian banyak bank dan agensi perniagaan memberi pinjaman modal kepada orang Melayu untuk menjalankan dan mengusahakan perniagaan.

Disangka orang Melayu kekurangan kesedaran untuk menggalakkan anak-anak belajar lantas Dr. Mahathir dengan berani dan tegas melancarkan skim bantuan buku teks percuma kepada pelajar-pelajar miskin yang majoritinya merupakan orang-orang Melayu.

Teks percuma

Nasib pelajar Melayu masih di takuk lama, malah baru-baru ini satu kajian oleh Jabatan Pendidikan Selangor mendapati lebih kurang 95 peratus pelajar Melayu tidak berminat kepada pelajaran dan tidak bermotivasi.

Apa lagi pengorbanan yang perlu dilakukan oleh Perdana Menteri? Apa lagi pengorbanan yang perlu dilakukan oleh pemimpin-pemimpin dan orang-orang lain? Apa lagi yang tidak kena dengan bangsa Melayu? Apakah sejurus sebelum lahirnya kita sebagai bangsa Melayu, bagaikan sudah ada perjanjian di antara kita dengan Allah S.W.T. bahawa bila anda lahir sebagai Melayu maka akan layulah anda selamanya?

Apa erti 'layu'? Kamus Dewan susunan Dr. Teuku Iskandar mentakrif erti perkataan 'layu' sebagai "I. Kering dan kecut (daun, bunga dll); tidak berseri atau segar lagi, lisut; II. Pucat dan lesu (orang), tidak bergaya, tidak sihat, merana." "Melayukan" ditakrif sebagai "menyebabkan jadi layu"?

Apakah nama Melayu yang telah menjadi nama bangsa kita sejak berkurun lamanya ini rupa-rupanya menjadi penyebab kepada kemunduran dan ketinggalan orang Melayu dalam segala bidang? Pasti terlompat jasad Hang Tuah dan perwira-perwira Melayu lainnya dari kubur masing-masing kerana Hang Tuahlah yang telah dengan sebegitu gagah meneriakkan "tidak Melayu hilang di dunia"!

Bagaimana perkataan 'Melayu' begitu berpengaruh sehinggakan bangsa yang bercita-cita besar dan tidak pernah menyerah kalah walaupun senantiasa tertindas ini tiba-tiba menjadi nama bangsa ini?

Mengikut kajian ahli-ahli sejarah yang antaranya ialah Prof. Dr. Khoo Khay Kim dari Universiti Malaya, di dalam bahasa Jawa perkataan 'Melayu' bererti 'lari'.

Pengasas Kerajaan Melayu di Semenanjung, Parameswara, diriwayatkan senantiasa berlari dari satu tempat ke satu tempat, mulanya lari dari Palembang menuju ke Temasik (Singapura), kemudiannya lari pula dari Temasik menuju ke Melaka, oleh itu bangsanya yang mendiami Semenanjung Tanah Melayu dinamakan bangsa Melayu bererti "bangsa yang lari!"

Sanggupkah kita selamanya menjadi bangsa yang lari, lari daripada kenyataan, lari daripada cabaran, lari daripada peluang, lari daripada kehidupan, lari daripada kawan, lari daripada lawan, lari daripada kesusahan, lari daripada kesenangan?

Bangsa lari

Apakah kita tidak mahu menjadi bangsa yang mengejar kenyataan, mengejar cabaran, mengejar peluang, mengejar kehidupan, mengejar kawan, mengejar lawan, mengejar kesusahan, mengejar kesenangan?

Apakah kita terus mahu erti 'lari' sebagai erti bagi bangsa kita di mana lari segalanya membawa pengertian negatif, tidakkah kita mahu menukar nama bangsa kita menjadi bangsa 'kejar' kerana kejar membawa pengertian yang positif dalam apa sahaja pengertian waima mengejar kesusahan sekalipun (menyahkan kesusahan dari hidup kita).

Sanggupkah selamanya kita hidup sebagai bangsa yang 'lisut, kering dan tidak bermaya' ataupun bangsa yang senantiasa 'lari' dan tidak 'kejar'?

Sanggupkah kita menerima suatu kemungkinan bahawa rupanya selama ini rupanya inilah sumpahan terhadap kita, bukan sumpahan oleh sesiapa tetapi sumpahan oleh diri kita sendiri lantaran nama dan pengertian nama yang telah dipilih untuk bangsa kita dan digunakan oleh kita dan dunia sejak berkurun-lamanya?

Jika mahu diubah nama bangsa Melayu kepada bangsa 'Menyegar' atau 'Menyeri', pasti melompat jasad Hang Tuah dan perwira-perwira lain dari kubur masing-masing dan datang mencari kita!

Jika mahu dicari perkataan Jawa yang mendatangkan erti 'kejar' bagi nama bangsa kita, pasti seluruh dunia akan tertanya dan mentertawakan kita kerana sanggup mengubah nama bangsa kita yang telah menjadi pakaian kita sejak berabad lamanya.

Lantas apa yang seharusnya yang wajib kita lakukan sedangkan kita tidak mahu makna yang membawa pengertian negatif menjadi nama bagi bangsa kita?

Bukalah kamus kita, sama ada kamus Melayu atau kamus Jawa. Utuslah surat kepada Kerajaan Indonesia dan Brunei Darussalam meminta mereka turut bersama kita membuka kamus masing-masing. Buatlah satu perhimpunan besar-besaran dengan diketuai oleh Perdana Menteri yang kita kasihi dan pemimpin-pemimpin ulung lainnya dan disertai oleh Presiden Indonesia, Sultan Brunei.

Isytiharlah ke seluruh Nusantara bahawa 'layu'

dalam bahasa Jawa bukan bererti 'lari' tetapi erti sebenarnya ialah 'kejar'! 'Layu' dalam pengertian Dewan Bahasa dan Pustaka, bukanlah sebagaimana yang ditakrif oleh Dr. Teuku Iskandar, tetapi 'layu' ertinya 'segar, seri, tangkas, pantas, kejar', malah boleh saja kita takrif sebagai 'agung' supaya pemimpin Melayu boleh disamakan dengan 'pemimpin agung', bangsa Melayu boleh ditakrif kepada 'bangsa agung'.

Ubahlah pengertian bagi perkataan 'layu' dan 'Melayu' dalam kamus masing-masing! Supaya tamatlah sumpahan buruk ke atas bangsa Melayu!

Utusan Malaysia, 29 September 1993

"Mak cik hendak makan. Duduk bersepuh lepat bersepuh lepat...
bersepuh lepat bersepuh lepat. Lain anak mak cik pun gungah...
kita kepala lor. Lain mak cik pun tengok anak mak cik teratai...
makan. Mak cik pun pegang dia. Kita hendak pergi ke...
makan? Dia kata kepala lor. Mak cik pun lempar...
cari dia sendiri."

(2) Lalaki Batak

"Terdapat lebih kurang tiga puluh lima orang...
duduk...
satu bilik makan."

"Terdapat lebih kurang tiga puluh lima orang...
duduk...
satu bilik makan."